

**'Suara Pakatan Rakyat' tidak ada kena mengena dengan Pakatan Malaysian Insider
12 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 12 Sept — Pakatan Rakyat (PR) hari ini menafikan blog <http://suarapakatanrakyat.com/> milik gabungan PKR, PAS dan DAP itu dalam sebuah kenyataan yang dikirim kepada The Malaysian Insider sebentar tadi.

Dalam sebuah kenyataan — yang ditandatangani oleh ketua penerangan PAS Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, setiausaha publisiti DAP Tony Pua dan pengarah komunikasi PKR Nik Nazmi Nik Ahmad — PR mendakwa mereka tiada kaitan apa pun dengan pengendali blog tersebut, dan kenyataan-kenyataan yang terdapat dalam laman tersebut tidak melambangkan dasar atau kedudukan politik parti-parti komponen PR.

"PR mengesyorkan agar pengendali laman web tersebut memikirkan semula rencana bertajuk 'Tarian Sumazau Untuk Golongan Rendah Akhlak'.

"Tulisan tersebut menyentuh soal tarian sumazau di Sabah, ahrus ditulis semaula agar lebih sensitif terhadap pandangan, fahaman, dan cara hidup warga Sabah terutamanya yang berketurunan Kadazandusun," kata kenyataan tersebut.

Beberapa hari lalu, warga internet heboh apabila blog <http://suarapakatanrakyat.com/> mengeluarkan rencana bertajuk 'Tarian Sumazau Untuk Golongan Rendah Akhlak'.

Semalam, presiden PKR Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail menafikan bahawa partinya mempunyai kaitan dengan blog tersebut sambil menambah ini adalah percubaan perang saraf menentang PR.

"Laman tersebut berusaha keras untuk dilihat sebagai suara PR, akan tetapi, ia bukan.

"Saya ulang, ia bukan suara PR, kata beliau dalam sebuah kenyataan semalam.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/suara-pakatan-rakyat-tidak-ada-kena-mengena-dengan-pakatan/>